

PENGEKSPLOITASIAN KAEDAH NAHU OLEH GOLONGAN MUKTAZILAH

*Oleh: Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah**
mdhilmi2000@yahoo.com

1. Pendahuluan

Dalam sejarah tamadun Islam, golongan Muktazilah yang mulai berkembang pada awal kurun ke-2 Hijrah adalah manifestasi daripada keghairahan umat Islam pada masa itu menggunakan logik akal fikiran semata-mata untuk memahami hal-hal yang berkaitan dengan agama, khususnya yang berkaitan dengan akidah. Untuk menguatkan dan mengesahkan pendapat mereka ini, mereka telah sampai hatta ke peringkat memutarbelitkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan.

Perkara ini dapat disaksikan dengan jelas di dalam satu-satunya kitab tafsir yang mewakili golongan ini, iaitu kitab Tafsir al-Kasysyaf yang dikarang oleh al-Zamakhshariy (467 – 538 H / 1074 – 1143 M). Dalam kitab tafsir ini, al-Zamakhshariy telah menggunakan kepintaran beliau dalam ilmu nahu, balaghah, qiraat, bahasa, mantiq dan sebagainya untuk tujuan tersebut.

Bagaimanapun, di sini penulis hanya akan memperkatakan tentang beberapa contoh ayat al-Quran yang telah dipesongkan daripada maknanya yang sebenar melalui pengeksploitasian kaedah nahu oleh al-Zamakhshariy untuk mengesahkan mazhab Muktazilah yang dianuti oleh beliau tersebut. Penulis ingin menegaskan di sini bahawa penulis tidak bercadang untuk menghuraikan pendapat-pendapat sama ada daripada golongan Muktazilah atau Ahli Sunnah Wal Jamaah secara panjang lebar kerana tujuan penulisan ini hanyalah untuk mendedahkan sebahagian daripada kepincangan yang telah dilakukan oleh golongan Muktazilah dalam bidang nahu yang jarang sekali disentuh oleh mana-mana sarjana di negara ini sebelum ini.

* Pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, KIAS

2. Contoh-Contoh Pengeksploitasian Kaedah Nahu Oleh Al-Zamakhshariy

Contoh-contoh pengeksploitasian kaedah nahu oleh al-Zamakhshariy dalam Tafsir al-Kasysyaf untuk menegaskan pendapat Muktaazilah boleh dilihat dalam beberapa persoalan yang berkaitan dengan akidah seperti berikut :-

- 1) Pengampunan Sesuatu Dosa Hanya Melalui Taubat
- 2) Allah Ta'ala Tidak Boleh Dilihat Buat Selama-Lamanya
- 3) Allah Ta'ala Bersifat Wajib Melaksanakan Janji-Nya
- 4) Perbuatan Hamba Tiada Kaitan Dengan Perbuatan Allah

2.1 Pengampunan Sesuatu Dosa Hanya Melalui Taubat

Pendapat al-Zamakhshariy dan golongan Muktaazilah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat yang ke-48, iaitu :-

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ، وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ، وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa (syirik) mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.*”

Menurut al-Zamakhshariy (1995 : 1 / 509), ayat tersebut menerangkan bahawa Allah Ta'ala tetap akan mengampunkan dosa syirik bagi sesiapa yang bertaubat daripada perbuatan tersebut dan Ia tidak akan mengampunkan dosa-dosa yang selain daripada syirik kecuali dengan taubat. Hal ini kerana kedua-dua kata kerja, iaitu kata kerja negatif (لَا يَغْفِرُ) dan kata kerja positif (يَغْفِرُ) masing-masing ditujukan kepada klausa ayat :- لِمَنْ يَشَاءُ . Oleh itu, ayat di atas seolah-olah bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan sesiapa yang ingin melakukan syirik dan Ia akan mengampunkan sesiapa yang melakukan perbuatan yang selain daripada syirik, iaitu dengan maksud mereka yang tidak bertaubat bagi ayat yang pertama dan mereka yang bertaubat bagi ayat yang kedua.*”

Dalam pentafsiran di atas, jelas sekali al-Zamakhshariy mencuba sedaya upaya untuk menyeragamkan ayat al-Quran tersebut dengan pendapat Muktaزيلah yang dianuti oleh beliau. Menurut pendapat Muktaزيلah, Allah tidak akan mengampunkan dosa-dosa termasuk dosa syirik kecuali apabila seseorang itu telah bertaubat.

Oleh itu, untuk menjelaskan perkara ini al-Zamakhshariy telah mengaitkan ayat **لِمَن يَشَاءُ** dengan kata kerja **لَا يَغْفِرُ** dan kata kerja **يَغْفِرُ** yang memberi maksud bahawa Allah Ta'ala tidak akan mengampunkan sesiapa yang melakukan dosa syirik sekiranya beliau tidak bertaubat dan Ia akan mengampunkan dosa-dosa yang selain daripada syirik sekiranya seseorang itu bertaubat. Oleh itu, fa'il (pelaku) bagi kata kerja **يَشَاءُ** (yang bermaksud "menghendaki") merujuk kepada perkataan **مَن** (yang bermaksud "sesiapa").

Pendapat ini nyata sekali bertentangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang berpendapat bahawa dosa-dosa yang selain daripada syirik akan diampunkan oleh Allah sama ada melalui taubat, syafa'at atau pun semata-mata rahmat daripada Allah Ta'ala. Manakala dosa syirik kepada Allah pula akan diampunkan oleh-Nya sekiranya seseorang itu bertaubat.

Oleh itu, ulama-ulama Ahli Sunnah berpendapat bahawa ayat al-Quran di atas disampaikan dalam konteks mereka yang tidak bertaubat. Justeru itu, fa'il bagi perkataan **يَشَاءُ** merujuk kepada Allah Ta'ala, manakala al-jarr wal majrur (**لِمَن**) pula ditujukan hanya kepada kata kerja **يَغْفِرُ** yang positif sahaja.

Perkara yang sama juga turut dinyatakan oleh al-Zamakhshariy semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat yang ke-168, iaitu :-

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنِ اللَّهُ لِيَغْفِرْ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ طَرِيقًا

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang kafir serta berlaku zalim, Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka dan tidak akan menunjukkan jalan kepada mereka."

Menurut al-Zamakhshariy (1995 : 1 / 580), firman-Nya :- **كَفَرُوا وَظَلَمُوا** menggambarkan kepada kita bahawa golongan yang dimaksudkan oleh Ism Mawsul **الَّذِينَ** ialah mereka yang terdiri daripada orang-orang kafir dan orang-

orang zalim dan kedua-duanya termasuk dalam kategori mereka yang melakukan dosa-dosa besar. Dalam hal ini, tidak ada perbezaan antara kedua-dua golongan tersebut kerana dosa yang dilakukan oleh kedua-duanya tidak akan diampunkan oleh Allah kecuali melalui taubat.

Dalam kenyataan di atas, al-Zamakhshariy telah membezakan antara golongan yang dimaksudkan dengan lafaz **كَفَرُوا** dengan golongan yang dimaksudkan dengan lafaz **ظَلَمُوا**. Menurut al-Zamakhshariy, golongan yang pertama ialah orang-orang kafir, manakala golongan yang kedua pula ialah orang-orang Islam yang melakukan kezaliman atau maksiat. Oleh kerana kedua-dua golongan tersebut digabungkan dengan partikel "Waw", maka kedua-duanya termasuk dalam kategori mereka yang tidak diampunkan dosa-dosanya oleh Allah kecuali melalui taubat.

Kenyataan al-Zamakhshariy ini menjelaskan kepada kita dua bentuk pemikiran Muktazilah, iaitu yang pertama, mereka yang melakukan maksiat kepada Allah dan tidak pernah bertaubat akan kekal di dalam neraka selama-lamanya sama seperti mereka yang kafir. Manakala, bentuk pemikiran yang kedua pula ialah Allah Ta'ala tidak akan mengampunkan mana-mana dosa sama ada daripada orang-orang kafir atau pun orang-orang Islam yang melakukan maksiat kecuali melalui taubat.

Kedua-dua bentuk pemikiran Muktazilah yang cuba diterapkan oleh al-Zamakhshariy ini jelas sekali bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Ini kerana Ahli Sunnah berpendapat bahawa orang-orang Islam yang melakukan maksiat (selain daripada syirik) walaupun tidak pernah bertaubat harus diberi pengampunan oleh Allah. Justeru itu, mereka akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga melalui rahmat-Nya.

Oleh itu, kedua-dua golongan yang dimaksudkan oleh firman Allah :- **كَفَرُوا وَظَلَمُوا** hendaklah ditafsirkan terdiri daripada golongan yang sama, iaitu orang-orang kafir, yang pada masa yang sama, bersifat zalim terhadap Allah dan Rasulullah s.a.w. Dalam hal ini, terdapat dua pendapat dalam menentukan orang-orang kafir tersebut, iaitu sama ada orang-orang Yahudi atau pun golongan Musyrikin Mekah (Al-Alusiyy, 1985 : 6 / 22).

2.2 Allah Ta'ala Tidak Boleh Dilihat Buat Selama-Lamanya

Pengeksploitasian kaedah nahu oleh al-Zamakhshariy dalam masalah ini untuk menegakkan pendapat Muktazilah boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Hadid ayat yang ketiga, iaitu :-

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Yang bermaksud: *“Dialah yang awal dan yang akhir, dan yang zahir serta yang batin, dan Dialah yang amat mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

Menurut al-Zamakhshariy (T.T. : 4 / 63) : “Kata sambung “al-Waw” yang pertama bermaksud bahawa Allah Ta’ala mempunyai dua sifat pada satu masa, iaitu sifat permulaan dan pengakhiran. Kata sambung “al-Waw” yang ketiga pula bermakna bahawa Allah Ta’ala mempunyai sifat yang jelas dan tersembunyi pada satu masa. Manakala kata sambung “al-Waw” yang kedua pula bermakna bahawa Allah Ta’ala bersifat dengan kedua-dua kumpulan sifat di atas tersebut dalam satu masa.

Oleh itu, Allah Ta’ala sentiasa bersifat wujud dalam semua peringkat masa sama ada masa lepas atau masa yang akan datang dan dalam kesemua masa tersebut juga Allah Ta’ala bersifat dengan sifat zahir dan batin, iaitu zahir melalui tanda-tanda kebesaran-Nya serta bersifat tersembunyi yang tidak dapat dikenal pasti melalui pancaindera. Sehubungan itu, ayat ini merupakan hujah ke atas mereka yang mengharuskan melihat Allah Ta’ala melalui pancaindera pada hari akhirat nanti.”

Menurut pendapat Muktazilah, Allah Ta’ala buat selama-lamanya tidak boleh dilihat oleh pancaindera manusia termasuk pada hari akhirat kelak. Untuk menegakkan pendapat ini, al-Zamakhshariy telah mengeksploitasi sepenuhnya ayat al-Quran di atas dengan menganggap kata sambung “al-Waw” yang kedua tersebut berfungsi menghimpunkan sifat zahir dan tersembunyi Allah Ta’ala dengan sifat permulaan dan pengakhiran. Oleh kerana sifat pengakhiran Allah Ta’ala itu tidak ada kesudahannya, maka pada masa yang sama Allah Ta’ala juga bersifat dengan sifat yang tersembunyi daripada pancaindera manusia buat selama-lamanya, termasuk pada hari akhirat nanti.

Pendapat ini bertentangan sekali dengan Ahli Sunnah Wal Jama’ah yang berpendapat bahawa Allah Ta’ala boleh dilihat oleh pancaindera pada hari akhirat nanti, iaitu setelah Allah – dengan rahmat-Nya – membuka hijab antara-

Nya dengan hamba-hamba-Nya yang beriman. Pendapat Ahli Sunnah ini berdasarkan kepada beberapa ayat al-Quran yang menyatakan tentang perkara tersebut.

Antaranya, firman Allah Ta'ala dalam surah al-Qiyamah ayat yang ke-22 dan 23, iaitu :- **رُجُوعُهُمْ يُوعَدُونَ ۚ أَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ بَاقِرًا فَتُحْصَوْنَ ۚ إِنَّ رَبَّهُم بِآيَاتِهِمْ خَبِيرٌ ۚ وَرُجُوعُهُمْ يُوعَدُونَ ۚ** yang bermaksud: "Pada hari akhirat itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri : Melihat kepada Tuhan mereka" dan firman-Nya dalam surah al-Mutaffifin ayat yang ke-22 dan 23, iaitu :- **إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ۚ عَلَى الْأَرَافِكِ يَتَطَهَّرُونَ ۚ** yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada di dalam syurga yang penuh nikmat : Mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berbias), sambil melihat (segala keindahan dan kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ, termasuk melihat zat Allah Ta'ala)" (Abdul Salam Muhammad Abduh, 1980 : 2 / 49).

2.3 Allah Ta'ala Bersifat Wajib Melaksanakan Janji-Nya

Selain itu, golongan Muktazilah juga berpendapat bahawa Allah Ta'ala bersifat wajib melaksanakan janji-Nya sama ada janji baik mahu pun janji buruk. Perkara ini boleh dilihat semasa al-Zamakhshariy mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat yang ke-71, iaitu :-


وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضُهُمْ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ۖ

Yang bermaksud: "Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain : Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan : Dan mereka mendirikan sembahyang, dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana".

Menurut al-Zamakhshariy (1995 : 2 / 280), huruf "Sin" yang terdapat dalam firman Allah **سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ** (yang bermaksud "mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah") itu bermaksud bahawa kewujudan rahmat daripada Allah adalah sesuatu yang pasti berlaku. Dalam hal ini, huruf tersebut berfungsi menguatkan janji baik Allah Ta'ala.

Keadaan ini sama dengan fungsi huruf tersebut dalam menguatkan janji buruk sebagaimana dalam ucapan kamu :- سَأَنْتَقِمُ مِنْكَ يَوْمًا (yang bermaksud: “Saya akan membalas dendam terhadap kamu pada suatu hari nanti”), yakni dengan maksud :- أَنْتَ لَا تَغُوثِي وَإِنْ تَبَاطَأَ ذَلِكَ (yang bermaksud: “Kamu tidak akan terlepas daripadaku walaupun perkara tersebut lambat berlaku”).

Keterangan al-Zamakhshariy di atas jelas sekali menyokong pendapat Muktazilah yang menganggap bahawa wajib bagi Allah Ta’ala melaksanakan janji-Nya seperti memasukkan orang-orang yang beriman ke dalam syurga dan orang-orang kafir ke dalam neraka. Pendapat ini bagaimanapun bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama’ah yang berpendapat bahawa Allah Ta’ala melalui sifat iradat-Nya (kehendak-Nya) bebas melakukan apa sahaja yang Dia sukai, umpamanya memasukkan orang-orang kafir ke dalam syurga.

Namun begitu, pada masa yang sama Ahli Sunnah juga berpendapat bahawa Allah Ta’ala tidak akan mengingkari janji-janji-Nya terhadap hamba-hamba-Nya sebagaimana firman-Nya dalam surah Ali ‘Imran ayat yang ke-9, iaitu :-  yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak akan memungkiri janji-Nya.” Oleh itu, jelas kepada kita bahawa pendapat Ahli Sunnah Wal Jama’ah itu lebih relevan dan diterima akal berbanding pendapat Muktazilah.

2.4 Perbuatan Hamba Tiada Kaitan Dengan Perbuatan Allah

Kepintaran al-Zamakhshariy mengeksploitasi kaedah nahu untuk mengesahkan pendapat golongan Muktazilah juga boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah dalam surah Fatir ayat yang ke-3, iaitu :-

بَيَّنَّا لِلنَّاسِ أَدْرَأَوْا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْهِمْ هَلْ مِنْ خَلْقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَآفَؤُفُكُونَ 

Yang bermaksud: “Wahai manusia! Kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada kamu; Tidak ada sama sekali yang menjadikan sesuatu selain daripada Allah; Ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan dia, maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)? ”

Menurut al-Zamakhshariy (1995 : 3 / 580), klausa ayat يَرْزُقُكُمْ harus dii'rab (ditentukan fungsinya dalam ayat) dalam tiga bentuk seperti berikut :-

- 1) Klausa ayat tersebut berfungsi sebagai sifat kepada perkataan مِنْ خَالِقٍ yang berfungsi sebagai subjek. Manakala, predikat kepada perkataan مِنْ خَالِقٍ terletak selepas daripada perkataan وَالْأَرْضِ (iaitu perkataan مَوْجُودٌ yang telah digugurkan daripada ayat). Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :- هَلْ مِنْ خَالِقٍ .
غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ مَوْجُودٌ .
- 2) Klausa ayat tersebut berfungsi sebagai penerang kepada klausa ayat yang sama – yang telah digugurkan daripada ayat – yang terletak sebelum perkataan مِنْ خَالِقٍ . Manakala, perkataan مِنْ خَالِقٍ tersebut dii'rab sebagai fa'il kepada klausa ayat yang digugurkan tersebut. Oleh itu, ayat di atas diandaikan seperti berikut :- هَلْ يَرْزُقُكُمْ مِنْ خَالِقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ .
- 3) Klausa ayat tersebut berada di permulaan ayat yang baru, iaitu selepas daripada predikat (yang telah digugurkan daripada ayat) kepada perkataan مِنْ خَالِقٍ . Oleh itu, ayat di atas diandaikan seperti berikut :- هَلْ مِنْ خَالِقٍ غَيْرُ اللَّهِ مَوْجُودٌ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ .

Menurut al-Zamakhshariy, di antara ketiga-tiga bentuk dii'rab di atas, bentuk i'rab yang pertama dan kedua adalah lebih tepat. Hal ini kerana kedua-dua bentuk i'rab tersebut membawa maksud bahawa dikhususkan kepada Allah Ta'ala sifat memberi rezeki dari langit dalam bentuk hujan dan rezeki dari bumi dalam bentuk tumbuh-tumbuhan. Oleh itu, perbuatan Allah Ta'ala dikhususkan kepada dua perkara tersebut sahaja dan tidak bersifat umum – sehingga melangkaui perbuatan hamba – sebagaimana dakwaan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Pentafsiran al-Zamakhshariy terhadap ayat al-Quran di atas dengan menyokong bentuk i'rab yang pertama dan kedua tersebut adalah semata-mata kerana ingin mengesahkan pendapat golongan Muktazilah. Menurut pendapat Muktazilah, rezeki yang diusahakan oleh hamba-hamba-Nya di atas muka

bumi ini adalah hasil daripada perbuatan mereka sendiri dan bukannya berpunca daripada perbuatan Allah. Oleh itu, mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatan mereka. Sekiranya perbuatan mereka itu baik, mereka berhak mendapat pahala dan jika sebaliknya, mereka akan mendapat dosa.

Pendapat golongan Muktazilah yang cuba ditegakkan oleh al-Zamakhshariy melalui pentafsiran beliau terhadap ayat al-Quran di atas jelas sekali bertentangan dengan pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini kerana Ahli Sunnah berpendapat semua perbuatan yang dilakukan oleh hamba-hambanya adalah atas keizinan dan kekuasaan-Nya semata-mata. Oleh itu, semua perbuatan hamba adalah melambangkan perbuatan Yang Maha Pencipta, iaitu Allah.

Pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah ini bersesuaian dengan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Anfal ayat yang ke-17, iaitu :-

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ ...

Yang bermaksud: *"Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah jualah yang membunuh mereka. Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar ..."* Bagaimanapun, jika seseorang hamba itu melakukan perbuatan yang tidak baik, ia tetap akan mendapat dosa kerana perbuatannya itu dilakukan atas pilihannya sendiri.

Sehubungan itu, untuk mengelak salah faham terhadap ayat al-Quran dalam surah Fatir ayat yang ke-3 di atas tadi, maka klausa ayat **يَرْزُقُكُمْ** dalam ayat tersebut hendaklah dianggap berada di permulaan suatu ayat yang baru (sebagaimana bentuk i'rab yang ketiga di atas tadi). Oleh itu, ayat **يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ** hanyalah merupakan suatu perkhabaran (yang bersifat umum dan bukannya pengkhususan) daripada Allah bahawa Dialah yang memberi rezeki dari langit dan bumi. Justeru itu, unsur-unsur pengkhususan seperti yang didakwa oleh al-Zamakhshariy dengan sendirinya akan terbatal.

3. Kesimpulan

Melalui perbincangan yang ringkas di atas, antara kesimpulan yang boleh dibuat adalah seperti berikut :-

- 1) Hal-hal yang berkaitan dengan agama, termasuk akidah tidak boleh difikirkan dengan menggunakan akal fikiran semata-mata, tetapi hendaklah berdasarkan nas-nas yang jelas daripada al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. serta pendapat ulama-ulama yang muktabar.
- 2) Golongan Muktazilah menjadi sesat kerana mereka telah melebihi akal fikiran mengatasi nas-nas al-Quran dan hadith Nabi s.a.w.
- 3) Mereka yang membaca dan mengkaji kitab Tafsir al-Kasysyaf mestilah berhati-hati apabila berhadapan dengan hal-hal yang berkaitan dengan akidah. Ini kerana al-Zamakhshariy akan menggunakan segala kemahiran beliau, sama ada dalam bidang nahu, balaghah, mantiq, qiraat dan sebagainya untuk menegakkan pendapat golongan Muktazilah.

Bibliografi

1. Abdul Salam Muhammad Abduh (1980). *Ilm al-Tawhid fi Thawb Jadid*. Matba'ah Lutfiy. Kaherah.
2. Al-Alusiy, Abu al-Fadl Syihabuddin al-Sayyid Mahmud (1985). *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathaniy*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy. Beirut.
3. Al-Juwayniyy, Mustafa al-Sawiy, Dr. (1984). *Manhaj al-Zamakhshariy Fi Tafsir al-Qur'an wa Bayan I'jazih*. Dar al-Ma'arif. Kaherah.
4. Al-Zamakhshariy, Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar (1995). *Al-Kasyshaf 'An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujub al-Ta'wil*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Beirut.
5. Al-Zamakhshariy, Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar (T.T). *Al-Kasyshaf 'An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujub al-Ta'wil*. Dar al-Ma'rifah. Beirut.
6. Ibrahim 'Abdullah Rufaydah, Dr. (1990). *Al-Nahw wa Kutub al-Tafsir*. Al-Dar al-Jamahiriy-yah li al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-I'lan. Tripoli.
7. Mohd. Hilmi b. Abdullah, Dr. (2002). *Pemikiran Nahu al-Zamakhshariy Dalam Tafsir al-Kasyshaf*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.